

Bahasa Kebangsaan (bahagian 3)

Jawab soalan disediakan

1. Dalam komunikasi harian kita sebagai rakyat Malaysia, bahasa apakah yang perlu diberi keutamaan untuk digunakan?

- A. Bahasa Cina
- B. Bahasa India
- C. Bahasa Melayu

2. Apakah sikap yang diperlukan penutur dalam usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan?

- A. ragu-ragu dengan keupayaan dan kemampuan bahasa kebangsaan
- B. yakin dengan keupayaan dan kemampuan bahasa kebangsaan
- C. malu dengan bahasa kebangsaan

3. Apakah cabaran penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan hasil daripada teknologi maklumat?

- A. kebanyakan alat dan aplikasi teknologi maklumat tidak menggunakan apa-apa bahasa
- B. kebanyakan alat dan aplikasi teknologi maklumat menggunakan bahasa Melayu
- C. kebanyakan alat dan aplikasi teknologi maklumat menggunakan bahasa Inggeris

4. Apakah peranan ahli keluarga bagi menggalakkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan?

- A. memberikan semangat dan tunjuk ajar
- B. mengejek mereka setiap kali ada ahli keluarga menggunakan bahasa Melayu
- C. menghalang ahli keluarga menggunakan bahasa Melayu

5. Apakah kepentingan menghayati dan menjiwai bahasa kebangsaan?

- A. dapat memecahbelahkan rakyat yang berbilang kaum
- B. dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum
- C. dapat memupuk sikap pentingkan diri sendiri